

Kerajaan lulus projek RM12.6b suku tahun ini

Oleh DIYANA ROSE KAMALLUDEEN

ALOR STAR 4 Jun – Kerajaan meluluskan sejumlah 302 projek dengan pelaburan RM12.6 bilion bagi tempoh suku pertama tahun ini, melibatkan pelaburan dalam negeri sebanyak 37.3 peratus atau RM4.7 bilion dan pelaburan asing berjumlah RM7.9 bilion (62.7 peratus).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, daripada jumlah itu sebanyak 73 projek melibatkan pelaburan RM2.3 bilion dilaksanakan di negeri-negeri Wilayah Utara.

Katanya, sebanyak 39 projek diluluskan di Pulau Pinang dengan modal RM1 bilion diikuti Perak dengan 18 projek (RM271.9 juta) dan Kedah dengan 15 projek (RM1 bilion).

“Sehingga April tahun ini, sejumlah 193 permohonan pinjaman telah diluluskan bagi negeri-negeri Wilayah Utara berjumlah RM112.46 juta atau 21.2 peratus.

“Pada tahun lalu, sektor perkilangan di Wilayah Utara mencatatkan pertumbuhan pengeluaran sebanyak 4.8 peratus bernilai RM107.8 bilion

Daripada jumlah itu sebanyak 73 projek melibatkan pelaburan RM2.3 bilion dilaksanakan di negeri-negeri Wilayah Utara

sementara nilai ditambah meningkat kepada RM21.7 bilion.

“Produktiviti pula meningkat sebanyak 2.7 peratus kepada RM49,471 berbanding tahun sebelumnya,” katanya ketika berucap pada Seminar dan Dialog Pelaburan dan Perdagangan wilayah Utara mengenai Sektor Perkilangan dan Perkhidmatan: *Ke Arah Daya Saing Global* di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid; Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Koh Tsu Koon dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Rafidah berkata, tahun lalu sektor perkilangan berjaya mencatat rekod dengan kelulusan pelaburan tempatan sebanyak RM25.8 bilion atau 56.1 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada 2006.

Menurut beliau, pada tempoh empat bulan pertama tahun ini juga, negara mencatat lebihan

um - 5/6/2007

RAFIDAH AZIZ
Menteri Perdagangan
Antarabangsa dan Industri

dagangan sebanyak RM21.3 bilion sementara eksport meningkat 1.1 peratus kepada RM138.2 bilion manakala import sebanyak 5.4 peratus kepada RM117 bilion.

Pada masa yang sama katanya, kerajaan menasaskan peningkatan pelaburan dalam negeri meningkat sebanyak 60 peratus dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan bagi sepanjang tempoh Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3: 2006-2020).

Jelasnya, bagi tujuan itu kementerian menganjurkan seminar pelaburan dan perdagangan untuk menyalurkan maklumat terkini kepada pelabur tempatan mengenai polisi pelaburan dan perdagangan kerajaan, insentif serta kemudahan sokongan yang ditawarkan.

Antaranya kata beliau, ialah Seminar Kebangsaan Industri Elektrikal dan Elektronik di Kuala Lumpur pada 19 hingga 20 Jun.